



# TEKS UCAPAN



**YB DATO' HENRY SUM AGUNG**  
**TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,**  
**KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**MAJLIS PERASMIAN FRANCAIS KOMUNITI ZON SELATAN 2016**  
**(NEGERI MELAKA)**

**DI CENTRE MYDIN MALL MITC, MELAKA**  
**3 SEPTEMBER 2016**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berhormat Dato' Lai Meng Chong  
Exco Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka

Yang Berbahagia Dato' Sri Jamil Bin Salleh  
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Yang Berbahagia Dato' Basaruddin Bin Sadali  
Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), KPDNKK

Yang Berbahagia Dato' Syed Kamarulzaman Bin Dato' Syed Zainal Khodki Shahabudin  
Pengarah Urusan Perbadanan Nasional Berhad (PNS)

Yang Berusaha Puan Siti Aisah Binti Ismail

Pengarah Pembangunan Francais KPDNKK

Yang Berusaha Encik Jaiya Bin Abu  
Pengarah KPDNKK Negeri Melaka

Pemimpin-pemimpin Masyarakat,

Persatuan-persatuan NGO,

Rakan-rakan Media,

Peserta-peserta Klinik Francais,

YBhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya ke majlis pada hari ini. Saya juga amat bersyukur kerana di hari yang indah ini dapat kita berkumpul dan bersama – sama hadir di dalam Majlis Perasmian Program Francais Komuniti Zon Selatan 2016 ini.

2. Program francais komuniti ini merupakan program yang telah diperkenalkan oleh Kementerian pada penghujung tahun 2011 yang diwujudkan secara khusus untuk mempromosikan Bidang Keusahawanan berkonsepkan francais kepada masyarakat. Program francais komuniti ini merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan yang bertujuan untuk membangunkan usahawan francais di negara ini. Untuk makluman hadirin sekalian, Program Francais Komuniti Zon Selatan ini merupakan program yang keempat dianjurkan pada tahun ini. Francais Komuniti Zon Pantai Timur merupakan yang pertama diadakan iaitu di Kelantan dan diikuti dengan Zon Utara di Kedah dan pada baru-baru ini di Zon Sabah.

3. Melalui program francais komuniti ini, objektif pihak Kementerian adalah untuk mendekatkan masyarakat dengan bidang perniagaan dan keusahawanan. Sistem Francais merupakan satu kaedah yang amat berkesan untuk mewujudkan keusahawanan pada semua lapisan masyarakat. Sistem perniagaan berkonsepkan francais menawarkan peluang usahawan untuk mengembangkan perniagaan mereka sebagai francaisor dan memberi peluang juga kepada usahawan dan bakal usahawan untuk melibatkan diri dengan sesuatu perniagaan sebagai francais tanpa perlu mencipta perniagaan yang baharu. Konsep ini umpama perniagaan keluarga di mana francaisor dan francais saling memastikan perjalanan dan perkembangan perniagaan berjalan dengan baik.

4. Kelebihan sistem perniagaan berkonsepkan francais ini mendorong Kerajaan untuk meningkatkan usaha dan inisiatif membangunkan industri francais tempatan dengan menggalak dan memudah carakan lebih banyak usahawan mengembangkan perniagaan mereka melalui sistem francais. Sehingga 30 Ogos 2016, sejumlah 827 sistem francais yang terdiri daripada pelbagai sektor telah didaftarkan dengan Pejabat Pendaftar Francais KPDKK. Daripada jumlah tersebut, 39% disumbangkan oleh sektor makanan dan minuman (F&B).

5. Sumbangan sektor francais kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) juga amat signifikan. Sektor francais pada tahun 2015 telah menyumbang sebanyak RM26.8 bilion yang merupakan 3.4% daripada jumlah keseluruhan KDNK 2015. Kerajaan menasarakan pada tahun 2020, industri francais menyumbang sebanyak RM35 bilion kepada KDNK.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Negeri Melaka juga tidak ketinggalan dalam melahirkan francaisor-francaisornya sendiri. Sebanyak 17 francaisor tempatan yang berasal dari Negeri Melaka telah berdaftar di bawah Akta Francais 1998. Antara jenama francais yang berasal dari Negeri Melaka seperti jenama Jonker Walk Kopitiam, yang menawarkan perniagaan berkonsepkan kopitiam, jenama Bahulu Warisan yang menawarkan perniagaan makanan, Venus

Boutique Hotel menawarkan perusahaan butik hotel dan beberapa lagi syarikat francais dari Negeri Melaka yang menawarkan pelbagai perniagaan dan perkhidmatan berkonsepkan francais. Perkembangan ini merupakan satu petanda yang menggalakkan bagi menunjukkan francais turut berkembang pesat di Negeri Melaka dan diharapkan supaya lebih ramai usahawan francais dapat dilahirkan.

7. Selain program promosi domestik, Kementerian juga turut mengadakan program promosi yang melibatkan pasaran antarabangsa. Sehingga Ogos 2016, KPDNKK dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) telah membawa 34 francaisor jenama tempatan menyertai 3 pameran francais ke peringkat antarabangsa di Melbourne, Manila dan Jakarta. Potensi pelaburan daripada penyertaan antarabangsa ini dianggarkan sebanyak RM110.36 juta dengan bilangan francais berpotensi seramai 253 francais.

8. Program francais komuniti ini juga dapat memberikan pendedahan, maklumat dan kesedaran kepada masyarakat terutamanya mereka yang bekerja sendiri, pesara, golongan wanita, ibu tunggal, siswazah lepasan universiti, veteran tentera dan polis dan golongan yang beraspirasi menjadi usahawan berjaya. Terdapat Pakej Francais Mikro yang ditawarkan iaitu pakej bawah RM50,000.00 dan Pakej Makro yang melebihi RM50,000.00. Melalui program seumpama ini juga, Kerajaan berhasrat untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat setempat merebut peluang yang ditawarkan ini sekaligus menceburi perniagaan francais dengan harapan ianya dapat memperbaiki taraf hidup masyarakat dan memberi impak dari segi pendapatan.

9. Antara pengisian utama program francais komuniti adalah Klinik Francais. Melalui klinik ini, para peserta akan didedahkan sepenuhnya dengan konsep francais. Bahagian Pembangunan Francais, KPDNKK akan memberi penjelasan mengenai keperluan pendaftaran sebagai francaisor / francais, undang-undang yang terlibat serta hak-hak sebagai francaisor / francais. Manakala melalui forum 'Francaisor Success Story', para francaisor akan berkongsi petua dan rahsia untuk mencapai kejayaan dalam industri francais.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Dalam Program Francais Komuniti Zon Selatan pada hari ini, Kementerian telah membawa bersama sejumlah 16 syarikat francais dan pra-francais yang turut mengambil bahagian sebagai pempamer dan syarikat-syarikat ini menawarkan pelbagai peluang perniagaan francais oleh yang demikian, peluang ini sewajarnya direbut oleh penduduk di Negeri Melaka satu langkah permulaan untuk bertapak dalam bidang keusahawanan berkonsepkan francais.

11. Selain itu, pelbagai agensi Kerajaan seperti Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Persatuan Francais Malaysia juga turut serta terlibat di dalam program ini. Dengan kehadiran agensi-agensi ini, diharapkan agar para pengunjung merebut peluang ini dengan mendapatkan khidmat nasihat dan program-program yang mereka telah sediakan.

12. Akhir sekali, saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Kerajaan Negeri Melaka di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada Kementerian untuk menjayakan program ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Francais Komuniti Zon Selatan 2016.

Sekian, terima kasih.